



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: aduan@rurallink.gov.my | webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

TARIKH : 4-6 MEI 2019

RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11(38)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 www.rurallink.gov.my

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

4 MEI 2019

HALAMAN:

44

ONLINE



UTUSAN MALAYSIA • SABTU 04 MEI 2019

Pengambilan guru Kemas diperketat

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 MEI

KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar tidak akan membenarkan pengambilan guru-guru taman bimbingan kanak-kanak (tabika) dan taman asuhan kanak-kanak (taska) Kemas daripada golongan transgender.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, langkah itu bagi memastikan golongan kanak-kanak tidak terkeliru dengan status guru yang mengajar mereka.

Beliau malah memberitahu, pengambilan guru Kemas juga amat ketat sehingga pemohon-pemohon perlu lulus ujian psikometrik selain lulus dalam

beberapa ujian lain.

"Setakat ini, tidak ada. Transgender ini kadang-kadang kita tak tahu bahawa dia adalah transgender. Kalau tengok dokumen, namanya mungkin Ali bin Mohamad, tapi yang datang (temuduga) ala-ala Anita.

"Ini budak-budak kecil, nanti budak-budak keliru," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) di Institut Kemajuan Desa (Infra), Bangi, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kemas, Datuk Amiruddin Ariffin.

Pada majlis itu, seramai 198 pelatih menerima sijil SPAK masing-masing dan 18 daripadanya merupakan pelatih lelaki.

Ditanya mengenai guru-guru

tabika Kemas dalam kalangan lelaki, menurut Rina, pihaknya sudah membuka penyertaan kepada golongan itu yang dilihat bersesuaian untuk ditempatkan di kawasan pedalaman.

Sementara itu, mengenai kes dera, Rina menjelaskan, satu kejayaan besar apabila tiada kes penderaan dicatatkan berlaku di taman bimbingan kanak-kanak (tabika) dan taman Asuhan Kanak-Kanak (taska) Kemas setakat ini.

"Tiada kes penderaan di Tabika Kemas. Selain guru-guru terlatih, kita punya pemantauan juga diadakan dari hari ke hari. Ada juga sesi kaunseling kepada para guru ini sewaktu pembelajaran dan pengajaran. Kita juga ada penyelia Kemas di peringkat Parlimen," katanya.



RINA MOHD. HARUN (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada para pelatih sempena Majlis Penyampaian Sijil SPAK di Infra, Bangi, dekat Kuala Lumpur, semalam. Turut serta Amiruddin Ariffin (kiri). - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN